



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 25 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI BERI JAMINAN AGIHAN BENIH PADI DI KEDAH, PERLIS MENCUKUPI, SH-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	1,652 PESAWAH MADA DAPAT MANFAAT REZEKI TANI, UM-ONLINE	
3.	BENIH LAMBAT DIEDAR SEBAB KENA UJI DAHULU, BH-ONLINE	
4.	"AGIHAN BENIH PADI MENCUKUPI", NASIONAL, SH-11	
5.	BENIH PADI PERLU DIUJI, NASIONAL, BH-22	
6.	KERAJAAN FAHAM PENTERNAK TERTEKAN-AHMAD, NASIONAL, SH-11	
7.	BENIH PADI DIHANTAR UNTUK PENILAIAN DULU, LOKAL, HM-24	
8.	PENILAIAN BENIH PADI PUNCA LEWAT, NEGARA, KOSMO-7	
9.	AHMAD HAMZAH: LATE DELIVERY DUE TO INSPECTION PROCESS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A9	
10.	RM270,000 FOR MARINE CONSERVATION, METRO, THE STAR-1,4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	FAMA RECORDS RM122 MLN SALES VIA OUTLETS IN LESS THAN TWO MONTHS, BUSINESS, BORNEO POST KK-A2	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12.	FAMA CHALKS UP RM122M IN SALES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN-3	
13.	LKIM TELITI 223 PERMOHONAN MEMODENKAN VESEL, 32-HM	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
14.	"DO MORE TO RAMP UP RICE PRODUCTION" NATIONAL, THE SUN-1,3	LAIN – LAIN
15.	HARGA BARANGAN KEPERLUAN SENTIASA DIPANTAU, LOKAL, HM-8,9	
16.	NELAYAN C2 DINAIKKAN TARAF, DALAM NEGERI, UM-1,2	
17.	NELAYAN GUNA PENDAYUNG LEPASI KAWASAN LUMPUR, NEGARA, KOSMO-14	
18.	BENIH PADI DIDAKWA LEPASI PARAS SILING, DALAM NEGERI, UM-29	
19.	PROJEK PENDIDIKAN HIJAU JULANG NAMA MBSP, NEGARA, KOSMO-16	
20.	HARGA RACUN RUMPAI TERUS NAIK, DALAM NEGERI, UM-29	
21.	RUMAH POKOK CYBERJAYA USAHA TANI PASANGAN MUDA, IGEN, KOSMO-30 K2	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MAFI beri jaminan agihan benih padi di Kedah, Perlis mencukupi



**ALOR SETAR** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bahawa pengagihan benih padi di Kedah dan Perlis adalah mencukupi dan bekalan yang dilaporkan lewat kini dalam proses penghantaran.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, jaminan tersebut diberikan selepas pihaknya berhubung dengan kilang-kilang yang menghasilkan benih padi dan menyatakan mereka telahpun mempunyai bekalan yang mencukupi.

Menurutnya, kelewatan tersebut didapati berpunca daripada permintaan tinggi terhadap varieti benih padi MR 297 oleh petani dan keperluan itu gagal dipenuhi oleh pihak berwajib dalam tempoh penanaman yang telah ditetapkan.

"Apa yang terjadi ketika ini, petani mahukan varieti benih padi MR 297 yang menjadi kegemaran mereka. Ini yang timbulkan masalah kerana kalau boleh bukan hanya satu variety bahkan beberapa variety lain yang setanding dengan MR 297 dapat ditanam.

"Kita menghadapi sedikit kelewatan mengagihkan benih padi kerana fasa pertama dan kedua penanaman padi agak singkat. Bagi menghasilkan benih padi ada masa tempoh rehat ini, benih-benih mesti dibawa dahulu untuk penyelidikan yang mengambil masa dua hingga tiga minggu, kita tidak boleh bagi terus kepada petani," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Ampang Jajar dekat sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas perkembangan kelewatan benih padi yang didakwa menjejaskan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis seperti yang dilaporkan media pada Rabu.

Sebelum itu, beliau merasmikan Majlis Perasmian Program Bisnes Menjadi 2.0 dan hadir sama, Exco Pertanian dan Industri Makanan, Azman Nasrudin dan Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman serta Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahuli.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, benih padi yang telah dibersihkan oleh kilang perlu dinilai oleh makmal Jabatan Pertanian terlebih dahulu dengan melakukan beberapa ujian antaranya kelembapan, percambahan, ketulenan dan ujian benih padi sah.

"Empat ujian ini setelah disahkan barulah benih padi ini boleh dijual dengan melalui pembekal terus kepada pemborong dan juga kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) sebelum sampai kepada petani," katanya.

Sementara itu, ketika diminta mengulas tentang hasrat petani yang mahu menghasilkan benih padi sendiri melalui PPK dan tidak lagi bergantung kepada pengilang, Ahmad berkata, beliau menasihati petani agar melalui pihak yang berautoriti seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

"Autoriti kita daripada Mardi kerana mereka yang menghasilkan penyelidikan dan mengesahkan jenis padi yang patut ditanam. Kita bimbang kalau petani buat sendiri tidak dijamin sebagai benih padi sah.

"Benih padi ini disahkan oleh Jabatan Pertanian, maknanya benih padi ini bermutu dan boleh memberikan hasil yang sepatutnya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## 1,652 pesawah MADA dapat manfaat Rezeki Tani



AHMAD Hamzah (dua kiri) menyampaikan replika cek kepada seorang Usahawan Agro MADA pada Program Bisnes Menjadi Mempelbagaikan Pendapatan Usahawan di Alor Setar, Kedah, hari ini.

**ALOR SETAR:** Seramai 1,652 pesawah mendapat manfaat melalui program Rezeki Tani di bawah kendalian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM9.96 juta sehingga tahun ini. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, melalui program itu, MADA berjaya meningkatkan pendapatan seramai 1,134 peserta yang dijana melalui sistem e-Kasih.

“Bagi menjayakan Program Rezeki Tani di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), sebanyak RM10 juta diperuntukan untuk jangka tempoh lima tahun yang mana sebanyak RM2 juta diperuntukan bagi skop Pembasmian Kemiskinan dan Peningkatan Pendapatan Melalui Aktiviti Pertanian, Pembangunan Modal Insan serta Aktiviti Hebahan Program.

“Ini adalah program lanjutan kepada peserta dalam usaha melahirkan usahawan berjaya yang boleh menjadi contoh kepada peserta Program Rezeki Tani, untuk terus berusaha memajukan diri, meningkatkan ekonomi dan taraf hidup keluarga,” katanya ketika berucap merasmikan Program Bisnes Menjadi ‘Mempelbagaikan Pendapatan Usahawan’ di Ibu Pejabat MADA, di sini hari ini.

Beliau berkata, Rezeki Tani adalah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan yang dijenamakan semula daripada program Azam Tani di bawah kementerian berkenaan dan dipertanggungjawabkan kepada tiga jabatan dan tujuh agensinya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Benih lambat diedar sebab kena uji dahulu



Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah) bersama sebahagian peserta Program Bisnes Menjadi 2.0 di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) - Foto NSTP/Luqman Hakim Zubir

**ALOR SETAR:** Kelewatan penghantaran benih padi sah kepada lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis berlaku berikutan benih terbabit perlu dihantar ke makmal Jabatan Pertanian bagi proses penilaian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pihaknya tidak boleh terus menghantar benih padi yang dikeluarkan pembekal tanpa melalui ujian bagi memastikan kualitinya sebelum pengesahan dapat dibuat.

Jelasnya, pihak makmal perlu mengambil masa antara dua hingga tiga minggu bagi melakukan beberapa ujian antaranya bagi memastikan tahap kelembapan, kemampuan percambahan dan ketulenan biji benih berkenaan.

"Kita terima hakikat memang ada sedikit kelewatan dalam pengedaran benih padi sah kepada pesawah mengikut jadual dan fasa ditetapkan berikutan tempoh rehat antara musim penanaman pertama dan kedua yang terlalu singkat.

"Pengilang menghasilkan benih padi pada waktu rehat berkenaan dan ia perlu dihantar ke Jabatan Pertanian bagi proses ujian sebelum disahkan dan dihantar ke pemborong dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan seterusnya sampai kepada pesawah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Program Bisnes Menjadi 2.0 yang diadakan di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini, hari ini.

Hadir sama EXCO Pertanian dan Industri Makanan negeri, Azman Nasrudin, Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman dan Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahuli.

Selasa lalu, Badan Bertindak Petani MADA mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada PPK sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain, mendakwa pihaknya kecewa apabila masalah pengagihan benih padi masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan ini, selain tiada penyelesaian diambil kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, bagaimanapun kerajaan memberi jaminan bahawa bekalan benih padi sah adalah mencukupi bagi diagihkan kepada semua pesawah di seluruh negara dan proses agihan sedang dilakukan pengedar.

"Saya sudah melawat kilang pengeluaran benih padi antara terbesar dan mendapati bekalan benih berkenaan bagi musim tanaman ini adalah cukup, malah berlebihan daripada keperluan pesawah.

"Cuma ada masalah pada pengeluaran varieti MR297 yang menjadi kegemaran pesawah kerana kita kalau boleh tidak mahu hanya satu varieti digunakan, sebaliknya pesawah boleh menanam varieti lain yang setanding MR297," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai permintaan pesawah agar diberi kebenaran mengeluarkan benih padi sendiri melalui PPK, beliau berkata proses penyediaan benih sepatutnya dilakukan Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Kita nasihatkan pesawah hanya menggunakan benih padi yang dikeluarkan pihak yang mempunyai kuasa iaitu MARDI kerana mereka yang melakukan penyelidikan dan mengesahkan jenis padi yang patut ditanam.

"Kita bimbang sekiranya pesawah hasilkan benih padi yang tidak disahkan Jabatan Pertanian sebagai bermutu, ia akan menyebabkan kesan lain termasuk tidak mampu memberi hasil sepatutnya.

Headline	'Agihan benih padi mencukupi'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	11	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	390 cm <sup>2</sup>
Journalist	WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR	AdValue	RM 8,268
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,804



# 'Agihan benih padi mencukupi'

MAFI jamin kilang terlibat mempunyai bekalan benih padi kepada petani di Kedah dan Perlis

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bahawa pengagihan benih padi di Kedah dan Perlis mencukupi dan bekalan yang dilaporkan lewat kini dalam proses penghantaran.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, jaminan tersebut diberikan selepas pihaknya berhubung dengan kilang-kilang yang menghasilkan benih padi dan menyatakan mereka telah

pun mempunyai bekalan yang mencukupi.

Menurutnya, kelewatan tersebut didapati berpunca daripada permintaan tinggi terhadap variasi benih padi MR 297 oleh petani dan keperluan itu gagal dipenuhi oleh pihak berwajib dalam tempoh penanaman yang telah ditetapkan.

"Apa yang terjadi ketika ini, petani mahukan pelbagai benih padi MR 297 yang menjadi kegemaran mereka.

"Itu yang timbulkan masalah kerana kalau boleh bukan hanya satu jenis bahkan beberapa variasi lain yang setanding dengan MR 297 dapat ditanam.

"Kita menghadapi sedikit kelewatan mengagihkan benih padi kerana fasa pertama dan kedua penanaman padi agak singkat.

"Bagi menghasilkan benih padi ada masa tempoh rehat ini, benih-benih mesti dibawa dahulu untuk penyelidikan yang mengambil masa dua hingga tiga minggu, kita tidak boleh bagi terus kepada petani," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian



Ahmad (dua dari kiri) bertanya khabar beberapa usahawan yang mengikuti Program Binesa Menjadi 2.0 selepas penyerahan replika cak di Ibu Pejabat MADA, Alor Setar pada Ahad.

Muda (MADA) di Ampang Jajar dekat sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas perkembangan kelewatan benih padi yang didakwa menjejaskan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis seperti yang dilaporkan media pada Rabu.

Beliau turut merasmikan Majlis Perasmian Program Binesa Menjadi 2.0 dan hadir sama, Exco Pertanian dan Indus-

tri Makanan, Azman Nasrudin dan Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman serta Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahuli.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, benih padi yang telah dibersihkan oleh kilang perlu dinilai oleh makmal Jabatan Pertanian terlebih dahulu dengan melakukan beberapa ujian antaranya kelembapan, per-

benih padi sah.

"Empat ujian ini setelah disahkan barulah benih padi ini boleh dijual dengan melalui pembekal terus kepada pemborong dan juga kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) sebelum sampai kepada petani," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai hasrat para petani yang mahu menghasilkan benih padi sendiri melalui PPK dan tidak lagi bergantung kepada pengilang, Ahmad berkata, beliau menasihati petani agar melalui pihak yang berautoriti seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

"Autoriti kita daripada Mardi kerana mereka yang menghasilkan penyelidikan dan mengesahkan jenis padi yang patut ditanam. Kita bimbang kalau petani buat sendiri tidak dijamin sebagai benih padi sah.

"Benih padi ini disahkan oleh Jabatan Pertanian, maknanya benih padi ini bermutu dan boleh memberikan hasil yang sepatutnya," katanya.

Headline	'Benih padi perlu diuji'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	22	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	312 cm <sup>2</sup>
Journalist	M Hifzuddin Ikhsan	AdValue	RM 10,371
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,113



Kelewatan agih benih padi kepada PPK

# 'Benih padi perlu diuji'

**Kerajaan jamin bekalan cukup, proses agihan sedang dilakukan**

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
hifzuddin@bh.com.my

**Alor Setar:** Kelewatan penghantaran benih padi sah kepada lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis berlaku berikutan benih terbabit perlu dihantar ke makmal Jabatan Pertanian bagi proses penilaian, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata, pihaknya tidak boleh terus menghantar benih padi yang dikeluarkan pembekal tanpa melalui ujian bagi memastikan kualitinya sebelum pengesahan dapat dibuat dan pihak makmal perlu mengambil masa

antara dua hingga tiga minggu melakukan beberapa ujian.

"Antaranya bagi memastikan tahap kelembapan, kemampuan percambahan dan ketulenian biji benih berkenaan.

"Kita terima hakikat memang ada sedikit kelewatan dalam pengedaran benih padi sah kepada pesawah mengikut jadual dan fasa ditetapkan berikutan tempoh rehat antara musim penanaman pertama dan kedua yang singkat.

"Pengilang menghasilkan benih padi pada waktu rehat itu dan ia perlu dihantar ke Jabatan Pertanian untuk ujian sebelum disahkan dan dihantar kepada pemhorong serta Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebelum pesawah," katanya selepas Majlis Perasmian Program Bisnes Menjadi 2.0 di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini, semalam.

Selasa lalu, Badan Bertindak Petani MADA mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada PPK sehingga menjejaskan jadual pe-

nanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis, malah masalah itu berterusan sejak tiga tahun kebelakangan dan tiada penyelesaian diambil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Ahmad berkata, kerajaan memberi jaminan bekalan benih padi sah adalah mencukupi bagi

**Kerajaan memberi jaminan bekalan benih padi sah adalah mencukupi bagi diagihkan kepada semua pesawah di seluruh negara**



**Ahmad Hamzah,**  
Timbalan Menteri  
Pertanian dan  
Industri Makanan I

diagihkan kepada semua pesawah di seluruh negara dan proses agihan sedang dilakukan pengedar, malah berlebihan daripada keperluan pesawah.

"Cuma ada masalah pada pengeluaran varieti MR297 yang menjadi kegemaran pesawah kerana kita kalau boleh tidak mahu hanya satu varieti digunakan, sebaliknya pesawah boleh menanam varieti lain yang setanding MR297," katanya.

Mengenai permintaan pesawah agar diberi kebenaran mengeluarkan benih padi sendiri melalui PPK, beliau berkata, proses penyediaan benih sepatutnya dilakukan Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) kerana mereka yang melakukan penyelidikan dan mengesahkan jenis padi patut ditanam.

"Kita bimbang sekiranya pesawah hasilkan benih padi yang tidak disahkan Jabatan Pertanian sebagai bermutu, ia akan menyebabkan kesan lain, termasuk tidak mampu memberi hasil sepatutnya," katanya.



Headline	Kerajaan faham penternak tertekan - Ahmad		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	11	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	163 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,456
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,367



## Kerajaan faham penternak tertekan - Ahmad

**ALOR SETAR** - Kenaikan harga bahan-bahan asas pembuatan makanan haiwan seperti jagung dan soya yang diimport dari luar negara telah menyumbang kepada peningkatan harga produk makanan haiwan di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, kenaikan harga bahan asas yang menjadi antara komponen penting dalam penghasilan makanan haiwan tersebut tidak dapat dikawal.

“Memang kita faham penternak menerima tekanan. Sekarang ini, bukan sahaja kenaikan harga ayam, bahkan ternakan lain seperti lembu dan kambing juga terkesan.

“Campuran itulah (jagung dan soya) yang cukup mahal sekarang ini. Pada suatu ketika dahulu, kita mempunyai lebih jagung dan lebih murah kita beli berbanding kita hasilkan sendiri di negara ini.

“Namun kini apabila harga jagung melonjak berganda-ganda, kita terpaksa memikirkan satu kaedah yang lain seperti tanam semula jagung ini,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Ampang Jajar dekat sini pada Ahad.

Beliau mengulas rungutan penternak yang terpaksa menanggung lebih kos disebabkan berlaku kenaikan harga input pertanian.



Penternak di utara Semenanjung Malaysia terpaksa menanggung lebih kos produk makanan haiwan.

Headline	Benih padi dihantar untuk penilaian dulu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	24	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	99 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,900
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,700



## Benih padi dihantar untuk penilaian dulu

**Alor Setar:** Kelewatan proses penghantaran benih padi sah kepada lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis berlaku berikutan perlu dihantar ke makmal Jabatan Pertanian bagi proses penilaian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pihaknya tidak boleh terus menghantar benih padi yang dikeluarkan pembekal tanpa melalui ujian bagi memastikan kualitinya sebelum pengesahan dapat dibuat.

Katanya, pihak makmal perlu mengambil masa antara dua hingga tiga minggu bagi melakukan beberapa ujian antaranya bagi memastikan tahap kelembapan, kemampuan percambahan dan ketulen biji benih berkenaan.

"Kita terima hakikat memang ada sedikit kelewatan berlaku dalam pengedaran benih padi sah kepada pesawah mengikut jadual dan fasa ditetapkan berikutan tempoh rehat antara musim penanaman pertama dan kedua yang terlalu singkat.

"Pengilang menghasilkan benih padi pada waktu rehat itu dan ia perlu dihantar ke Jabatan Pertanian bagi proses ujian sebelum disahkan dan dihantar kepada pemborong dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan seterusnya sampai kepada pesawah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Program Bisnes Menjadi 2.0 yang diadakan di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di sini, semalam.

Headline	Penilaian benih padi punca lewat		
MediaTitle	Kosmo		
Date	25 Oct 2021	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	7	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	83 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,294



## Penilaian benih padi punca lewat

**ALOR SETAR** - Kelewatan penghantaran benih padi kepada lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis berlaku kerana ia perlu dihantar ke makmal Jabatan Pertanian untuk penilaian sebelum diagihkan kepada kumpulan sasaran.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, proses penilaian itu mengambil masa dua hingga tiga minggu bagi menguji tahap kelembapan, kemampuan percambahan dan ketulenan biji benih.

"Kita terima hakikat memang ada sedikit kelewatan dalam mengedar benih padi sah kepada pesawah mengikut jadual dan fasa ditetapkan berikutan tempoh rehat antara musim penanaman pertama dan kedua yang terlalu singkat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian Program Bisnes Menjadi - 'Mempelbagaikan Pendapatan Usahawan' di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda di sini semalam.

Headline	Ahmad Hamzah : Late delivery due to inspection process		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	25 Oct 2021	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A19	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	103 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 780
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,341



## 吉坡稻农迟收谷种有因 副农长：先送检测

(亚罗士打 24 日讯) 农业及食品工业部长副部长拿督斯里阿末韩沙表示，吉坡逾 5 万名稻农延迟收到稻米种子，是因为稻种必须先送到农业局实验室评估后才能派发。

他说，该部不能直接把供应商的稻米种子，在未经过测试就发放出去。

“实验室必须花费 2 至 3 个星期进行数项的测试，以确保稻米种子的水分含量、发芽能力及纯度。”

阿末韩沙今日在慕达农业发展局为一项活动主持开幕后在记者会说，政府将确保合法稻米种子的供应量足够，以分发给国内所有的稻农，而分发程序已在进行当中。

“我已经参观其中一家大型生产稻米种子的工厂，发现种稻季节的稻米种子充足，甚至超越稻农的需求”。

最近，吉坡有逾 5 万名稻农因稻米种子发放程序延误，造成稻米种植流程受影响。

Headline	RM270,000 for marine conservation		
MediaTitle	The Star		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	175,986
Page No	1,4	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	435 cm <sup>2</sup>
Journalist	By REMAR NORDIN	AdValue	RM 21,976
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,928



## Johor

Marine life info centre, turtle hatchery in Mersing to be upgraded thanks to increased state allocation >4

## JOHOR

By REMAR NORDIN  
metro@thestar.com.my

THE Johor government has allocated RM270,000 towards improving its sea turtle and marine conservation programme at the Sultan Iskandar Marine Park in Mersing.

Johor agriculture, agro-based and rural development committee chairman Datuk Samsolbari Jamali said the state government, through the Johor Fisheries Department, also planned to buy about 20,000 sea turtle eggs from licensed egg collectors.

"The allocation will be used to improve facilities at the marine life information centre and turtle hatchery in Pulau Tinggi, Mersing. The centre will also be updated with the latest information on marine life.

"The redevelopment is expected to start next year and visitors will soon be able to see some of the changes we have made," he said.

He added that these would include a walk-through of the sea turtle hatching process where visitors would be able to see sea turtle babies.

The objective, according to Samsolbari, is to make the marine life information centre one of the pit-stops for island-hopping activities in Mersing.

"We also plan to open another sea turtle hatchery in Pulau Besar, but we want to see the one in Pulau Tinggi improved first," he said in an interview.

The allocation will also be used to buy turtle eggs at RM2.50 each from egg collectors who are mainly villagers on the islands off Mersing.

"We are giving villagers who are

# RM270,000 for marine conservation

Allocation to also go towards improving facilities, buying turtle eggs from licensed collectors on Mersing islands

fishermen an additional side income.

"Previously, the government only allocated RM5,000 to the Fisheries Department every year for this purpose.

"But now with the increase in allocation, we hope to buy up to 20,000 sea turtle eggs, which will later hatch at the hatchery," he added.

Samsolbari also said that the majority of the turtles in Mersing were of the green turtle species, also known as *penyu agar*, and hawksbill sea turtle or *penyu karah*.

"These species can be spotted at Pulau Tinggi, Pulau Besar, Pulau Aur and Pulau Pemanggil," he said.

Meanwhile, Johor Fisheries Department director Zainudin Abdul Wahab said RM70,000 from the allocation would be used to build artificial reefs, which would be placed around the islands off Mersing.

"Having an artificial reef is important in promoting a better marine life ecosystem as it attracts smaller fish that seek protection from the larger fish," he said.



Samsolbari (right) looking at some newly hatched sea turtles at the hatchery in Pulau Tinggi, Mersing.

Headline	Fama records RM122 mln sales via outlets in less than two months		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Business	Circulation	18,290
Page No	A2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	177 cm <sup>2</sup>
Journalist	Bernama	AdValue	RM 987
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,961



## Fama records RM122 mln sales via outlets in less than two months

**JOHOR BAHRU:** The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) recorded sales of RM122 million through outlets under its supervision from Sept 1 to Oct 18, 2021.

Fama director-general Datuk Zainal Bidin Yang Razali said the network of 368 outlets nationwide has provided benefits to more than 12,131 entrepreneurs and also 2.26 million customers who buy their agrofood products at these outlets.

He said the opening of a chain of outlets adopting standard operating procedures (SOP) set by the National Security Council was a positive indicator as the sales and profit achieved had surpassed the initial target set by Fama.

The reopening of all Fama outlets included 35 'pasar tani kekal', 266 farmers markets, 19 fresh fruit stalls, five Agrobazaar outlets at R&R areas, as well as five pasar tamu (weekly market).

"Initially, we target to open 241 outlets, however, up to Oct 18, we have opened 368 outlets. In terms of the number of entrepreneurs, we are targeting 6,000 entrepreneurs... that's the target until December, we have offered opportunities but as of last Monday, more than 12,000 entrepreneurs have carried out the business.

"As for sales value, we are



Fama recorded sales of RM122 million through outlets under its supervision for the last two months. — Bernama photo

aiming for RM200 million until December 31 via these outlets but we have achieved RM122 million as of last Monday, hence, we feel by year-end, we are able to achieve more than what we target," he told a media conference here recently.

Earlier, a video conference between Minister of Agriculture and Food Industries (MAFI) Daruk Seri Dr Ronald Kiandee and the High Commissioner of Malaysia to Singapore was held at Johor Fama.

Besides that, Ronald also presented a contribution of 2.5 tonnes of agrofood products via MAFI Prihatin programme to

six community welfare homes around Johor Bahru which benefitted 350 recipients.

The contribution was also distributed to 200 Malaysian citizens stranded in Singapore.

Through the MAFI Prihatin programme via Fama for June to Oct 18 period, a total of 90 tonnes of food worth RM330,000 had been distributed to 40,000 recipients at 209 locations nationwide.

In Johor, the implementation of MAFI Prihatin via Fama worth RM35,000 has provided benefits to 3,480 individuals at 14 locations in the state. — Bernama

## Fama chalks up RM122m in sales

**JOHOR BARU:** The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) recorded sales of RM122 million through outlets under its supervision from Sept 1 to Oct 18, 2021.

Fama director-general Datuk Zainal Bidin Yang Razali said the network of 368 outlets has provided benefits to more than 12,131 entrepreneurs and also 2.26 million customers who buy their agrofood products at these outlets.

He said the opening of a chain of outlets adopting standard operating procedures (SOP) set by the National Security Council was a positive indicator as the sales and profits achieved had surpassed the initial target set by Fama.

The reopening of all Fama outlets included 35 *pasar tani*

*kekai*, 266 farmers markets, 19 fresh fruit stalls, five Agrobazaar outlets at R&R areas, as well as five *pasar tamu* (weekly market).

"Initially, we target to open 241 outlets, however, up to Oct 18, we have opened 368 outlets. In terms of the number of entrepreneurs, we are targeting 6,000 entrepreneurs ... that's the target until December, we have offered opportunities but as of last Monday, more than 12,000 entrepreneurs have carried out the business.

"As for sales value, we are aiming for RM200 million until Dec 31 via these outlets but we have achieved RM122 million as of last Monday, hence, we feel by year-end, we are able to achieve more than what we targeted," he told a media conference here on Saturday. - Bernama

Headline	LKIM teliti 223 permohonan memodenkan vesel		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	112,705
Page No	32	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	168 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,618
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,855



## LKIM teliti 223 permohonan memodenkan vesel

Beruas: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedang meneliti 223 permohonan daripada nelayan di seluruh negara yang ingin mendapatkan peruntukan di bawah program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, menerusi program terbabit, LKIM komited memastikan taraf hi-

dup nelayan dapat ditingkatkan dengan cara memodenkan kapal dan mekanisasi penangkapan ikan.

"Setakat ini, RM50 juta daripada RM150 juta peruntukan sudah diagihkan kepada nelayan di seluruh negara menerusi program itu, sekali gus dapat meningkatkan taraf ekonomi golongan terbabit.

"Daripada RM150 juta berkenaan, RM105 juta diperun-

tukkan untuk memodenkan vesel manakala selebihnya untuk mekanisasi penangkapan ikan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Road to 50 Tahun LKIM dan penyerahan sumbangan 50 kotak makanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Pribatin kepada nelayan di Bagan Panchor, di sini.

Turut berbangsug, per-

arakan 50 bot nelayan termasuk sampan, bot kelas A, B dan C di perairan Bagan Panchor, bagi meraikan sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM bersama nelayan.

Dalam pada itu, Syed Abu Hussin Hafiz berkata, sehingga kini, sebanyak 258 vesel dari kelas A dan B terbabit dalam program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan, sama ada membeli bot baharu bagi menaik

taraf kelas vesel atau menambah baik mekanisasi peralatan menangkap ikan pada vesel sedia ada.

"Pengusaha yang layak akan menerima peruntukan maksimum sehingga RM5 juta seorang bagi memodenkan vesel mereka, sama ada untuk membeli vesel baharu atau menambah baik bot sedia ada seperti menaik taraf kapasiti enjin atau peralatan," katanya.



SYED Abu Hussin



Headline	'Do more to ramp up rice production'		
MediaTitle	The Sun		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	National	Circulation	297,582
Page No	1,3	Readership	892,746
Language	English	ArticleSize	451 cm <sup>2</sup>
Journalist	ALISHA NUR MOHD NOOR	AdValue	RM 11,574
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,722



Experts propose ways to avoid shortage of rice

page 3

# 'Do more to ramp up rice production'

➤ Experts suggest ways to ensure adequate supply

BY **ALISHA NUR MOHD NOOR**  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Far-reaching changes in everything from farming methods to eating habits may now be necessary to ensure an adequate supply of rice in Malaysia.

Experts have recommended that there be wider use of seedlings that are more resistant to the effects of extreme weather, enhanced irrigation methods and the adoption of more environmentally friendly diets.

Otherwise, they warned, the nation may no longer be able to meet the demand for the staple food in the near future. In fact, Malaysia is already very highly dependent on imports to meet the domestic demand for rice.

As research fellow at Universiti Kebangsaan Malaysia Dr Rospidah Ghazali pointed out, the government and farmers must work together to improve rice production.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said last week that the continued increase in rainfall every decade over the last 40 years has had a detrimental impact on rice production. Crops have also been

destroyed in prolonged periods of drought.

Data from the ministry shows that from 2017 to 2021, a total of 40,828.28ha of padi land was destroyed by flood waters and another 9,336.45ha was damaged by drought.

In that time, a total of RM21.6 million worth of crops have been destroyed by lack of water while floods have washed away another RM128.8 million of padi.

Rospidah, a member of the working group for the development of a national policy on food security 2021-2030, noted the government has taken several steps to improve the situation.

For instance, she said, the effort to improve the irrigation system, which was built in the 1970s, is already under way. In its current state, the system is no longer able to meet the demand for water to irrigate crop lands.

She said another measure taken by the government is the implementation of the alternative wetting and drying system. Rather than allow a continuous flow of water, the new system schedules the inflow of water to the padi fields for a more efficient use of an essential resource.

Nonetheless, she said, more needs to be done. She noted that drought-resistant seedlings were introduced in Malaysia several years ago but is still not used widely enough.

"It does not require much water so it can be planted on land that is difficult to irrigate," she told *theSun*.

She said the government should also focus on adopting and improving the system of rice intensification (SRI) technique, which was introduced in early 2000.

The SRI, modelled after a similar system in Madagascar, has helped to raise rice production significantly in the East African island nation where droughts are frequent.

Rospidah said under the SRI, a variety of rice that needs less water in planted. "However, this method is labour-intensive," she noted.

"Every change comes with challenges, but at the end of the day, it is about the willingness to adapt and adopt new techniques. We cannot continue with the traditional way."

Environmental group EcoKnights Malaysia vice-president Amlir Ayat said people should be encouraged to adopt a dietary habit that depends less on crops that use water intensively. Over and above that, he told *theSun*, a holistic and integrated approach is needed in dealing with the short-term consequences of climate change, and that calls for innovation in agricultural technology.

He said stronger collaboration among the relevant stakeholders, including universities, to come up with viable, practical and cost-effective solutions is essential.

"We need more water-friendly technology, more efficient use of space. Land use should be monitored to minimise its effects on weather patterns," he added.

Headline	Harga barangan keperluan sentiasa dipantau		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	8,9	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	295 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,577
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,731



## Harga barangan keperluan sentiasa dipantau

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa memantau harga barangan keperluan bagi mengatasi isu kenaikan harga ayam dan telur ayam.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Azman Adam berkata, langkah berkenaan termasuklah mengadakan sesi libat urus dengan pengeluar, penternak, peladang ayam dan agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

KPDNHEP juga kata Azman mengeluarkan Surat Pemberitahuan kepada setiap rantaian peniaga ayam seperti penternak, pemborong dan peruncit untuk membuat semakan harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin keuntungan lebih munasabah.

"Mengeluarkan Notis Pengesanan Maklumat Barangan (NPMB) di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011 kepada pengeluar, pemborong dan peruncit ayam yang masih tidak membuat se-

makan harga bagi mendapatkan maklumat terperinci berhubung dengan jualan dan belian item diperiksa dan membuat pengesanan awal sekiranya wujud sebarang elemen mencatut.

"Pendekatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat harga dan memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga dari mana-mana peringkat rantaian pengedaran secara sewenang-wenangnya," katanya.

Selain itu menurut Azman, pemeriksaan dan pemantauan menyeluruh oleh Pegawai Penguat Kuasa di semua peringkat rantaian bekalan ayam di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 melalui penguatkuasaan Ops Catut 8.0 (Pengeluar, Pemborong & Peruncit Ayam) dilakukan bagi mengatasi isu ini.

"Dengan itu, peniaga diberi amaran supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga

Headline	Harga barangan keperluan sentiasa dipantau		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	8,9	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	295 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,577
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,731

ayam di setiap peringkat rantaian pengedaran secara sewenang-wenangnya.

“Peniaga yang dikesan mengambil kesempatan menaikkan harga ayam tanpa mematuhi perundangan Antipencatutan akan diambil tindakan tegas di bawah Seksyen 14(1), AKHAP 2011.

“Sekiranya disabit kesalahan, boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi perbadanan/syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP juga melaksanakan pemeriksaan di peringkat pengeluar makanan ternakan ayam bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan belian bahan-bahan utama pengeluaran makanan ternakan ayam dan mengesan sama ada berlaku aktiviti peningkatan pada kos pengeluaran makanan tersebut serta mengesan aktiviti mencatut.

Akhir sekali, langkah diambil KPDNHEP bagi menangani isu ini ialah dengan mewujudkan Pasukan Petugas Khas bagi menangani isu kenaikan harga ayam di pa-

saran secara terus di kawasan yang terbabit dengan aduan kenaikan harga.

Menurut Azman, sehingga 5 Oktober lalu, sebanyak 268 premis sudah diperiksa di seluruh negara membabitkan 38 premis di peringkat penternak/pengeluar/pengilang, 78 premis di peringkat pemborong manakala 152 premis di peringkat peruncit.

“Dalam tempoh sama, sebanyak 924 Surat Pemberitahuan kepada peniaga sudah dikeluarkan ke atas setiap rantaian pengedaran ayam dan telur ayam sepanjang Ops Catut 8.0 ini bagi memastikan harga ayam dan telur ayam dapat distabilkan.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 643 peniaga sudah menurunkan harga jualan ayam mereka.

“Sebanyak 262 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) juga sudah dikeluarkan kepada peniaga yang masih tidak membuat semakan harga untuk mendapatkan maklumat kos dan belian barangan lebih terperinci bagi menyiasat sama ada peniaga ini ada mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau mencatut,” katanya.

“  
**Peniaga diberi  
 amaran supaya  
 tidak mengambil  
 kesempatan**  
 Azman

Headline	Nelayan C2 dianaktirikan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	1,2	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	472 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA dan	AdValue	RM 19,375
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,125



Harga diesel RM2.70 seliter tiada subsidi, tak mampu tanggung RM50,000 sebulan

# Nelayan C2 dianaktirikan

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**  
dan **RAMDHAN SAMSUDIN**  
shofi isa@mediamula.com.my

**KUANTAN:** Kira-kira 450 pengusaha bot kelas C2 di seluruh negara semakin 'tenat' sehingga ramai terpaksa menghentikan operasi kerana tidak mampu menanggung kenaikan harga diesel sehingga RM50,000 sebulan bagi sebuah bot sebelum keluar menangkap ikan.

Harga diesel yang dijual kepada pengusaha bot kelas C2 kini meningkat daripada RM2.05 seliter kepada RM2.70 seliter kelmarin.

Pada tahun lalu direkodkan terdapat 594 buah bot C2 di negara ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, wakil nelayan C2 Pahang, Tengku Adnan Tengku Husin berkata, untuk sebuah bot nelayan C2, isian penuh tangki sekitar 3,000 liter dan harga diesel bagi bot C2 tidak bersubsidi.

**Bersambung di muka 2**

Headline	Nelayan C2 dianaktirikan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	1,2	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	472 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA dan	AdValue	RM 19,375
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,125

# Nelayan C2 dianaktirikan

## Dari muka 1

Katanya, situasi dihadapi nelayan C2, kini seolah-olah mahu 'dibunuh' kerajaan yang bukan sahaja tidak mahu memberi subsidi tetapi terpaksa menanggung kenaikan drastik sehingga 65 sen seliter.

Tengku Adnan memberitahu, kehidupan pemegang lesen C2 dianaktirikan sejak tiga tahun lalu kerana mereka tidak menerima bantuan seperti elaun sara hidup dan insentif hasil tangkapan bagi setiap kilogram ikan seperti nelayan lain.

"Kini harga diesel pula mendadak, saya percaya bebanan ini bukan sahaja ditanggung kira-kira 65 nelayan C2 di Pahang, malah seluruh negara.

"Cuba bayangkan untuk isi minyak (diesel) sahaja perbelanjaan sebulan RM50,000 untuk satu bot, jika dua bot? Itu belum lagi ambil kira kos penyenggaraan dan lain-lain," katanya di sini kelmarin.

Selain itu, beliau percaya nelayan C2 turut perlu membayar pinjaman bank lain setiap bulan.

"Saya contohnya membuat pinjaman dengan Agrobank RM500,000 untuk membeli bot baharu. Bulanan saya perlu bayar RM10,000. Tidak sampai setahun beli, negara dilanda Covid-19.

"Kami bukan golongan kaya kerana jika kaya kami tidak ke

laut cari rezeki," katanya.

Dalam pada itu, beliau meminta kerajaan Keluarga Malaysia mengkaji semula pemberian subsidi minyak kepada nelayan C2 yang terbeban dengan harga diesel yang mahal.

"Kerajaan kena menilai semula pemberian elaun sara hidup dan insentif hasil tangkapan seperti diberikan sebelum ini," katanya.

Di **KEDAH**, kos operasi tingi bot kelas C2 menyebabkan kebanyakan pemiliknya tidak mampu keluar ke laut lebih setahun lalu.

Setiausaha Pertubuhan Pemilik Bot Ikan Negeri Kedah, Tan Chee Seng berkata, sebanyak 15 buah bot kelas C2 ada di negeri itu tetapi yang beroperasi tinggal dua buah sahaja.

Menurutnya, pemilik bot kelas C2 itu tidak mahu menanggung kerugian terutamanya selepas kenaikan harga diesel.

"Kerajaan sepatutnya turut memberi subsidi diesel kepada nelayan bot kelas C2 seperti yang dinikmati bot kelas C," katanya.

Sementara itu, Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) mengusulkan permohonan kepada kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) agar mempertimbangkan semula subsidi diesel kepada nelayan C2.

Pengerusinya, Hamid Ba-

## JUMLAH BOT NELAYAN C2 TAHUN 2020

Pertis	14
Kedah	68
PulauPinang	21
Perak	146
Selangor	0
Negeri Sembilan	0
Melaka	0
Johor	72
Pahang	65
Terengganu	44
Kelantan	69
Sarawak	51
Sabah	43
Wilayah Persekutuan Labuan:	1
<b>Jumlah</b>	<b>594</b>

Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia

hari berkata, pihaknya menerima aduan pengusaha bot nelayan C2 yang menghadapi masalah kenaikan harga diesel serta masalah tenaga kerja.

"Kebiasaannya harga seliter diesel sekitar RM1.90, tetapi sekarang sudah mencecah sehingga RM2.70 seliter. Sememangnya membebankan yang memerlukan sebanyak 3,000 liter minyak sehari," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

# Nelayan guna pendayung lepasi kawasan lumpur



**NORIMAN terpaksa menggunakan pendayung setiap kali melalui kawasan sungai dan perairan di Kuala Perlis yang cetek akibat mendapan lumpur.**

**KUALA PERLIS** – Masalah air cetek di perairan ini dan sungai berhampiran turut dihadapi lebih 200 nelayan di sini apabila mereka terpaksa menggunakan pendayung untuk melepasi kawasan berlumpur setiap kali mahu turun ke laut.

Nelayan tempatan mendakwa, keadaan itu menyebabkan bot mereka tidak dapat melalui kawasan cetek sehingga terpaksa menggunakan pendayung untuk bergerak.

Nelayan, Noriman Karap, 52, berkata, kejadian air surut yang teruk telah berlaku beberapa kali dalam sebulan dan pernah berlarutan sehingga seminggu dalam bulan-bulan tertentu.

“Masalah air cetek akibat mendapan lumpur yang disebabkan proses semula jadi ini sudah lama berlaku.



**JAMALUDIN**

“Ada sesetengah lokasi di Sungai Seberang Ramai sepanjang satu kilometer ini hanya sedalam kira-kira semeter dan jika air surut, nelayan terpaksa tunggu lebih dua jam sebelum dapat turun ke laut,” katanya.

Menurutnya, kerja-kerja men-

dalamkan sungai ada dilakukan baru-baru ini, namun terhenti se-jak kira-kira sebulan lalu.

“Saya difahamkan projek mendalamkan sungai belum selesai dan saya berharap kawasan sungai ini dapat didalamkan dengan sempurna,” ujarnya.

Seorang lagi nelayan, Jamalu-din Khalid, 60, berkata, enjin bot juga berisiko untuk rosak jika tersekat di dalam lumpur dengan kos pembaikan boleh mencecah sehingga RM300.

“Saya harap pihak berkaitan dapat mengorek sungai ini bagi memastikan kedalaman dapat bertahan lebih lama.

“Kerja-kerja mendalamkan sungai ini perlu dilakukan dengan sempurna bagi mengelak bot tersangkut di kawasan yang tidak rata seolah-olah ‘batas ubi itu,’” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

## Benih padi didakwa lepasi paras siling

**BAGAN SERAI:** Pesawah di daerah Kerian di sini, terbeban berikutan kenaikan harga benih padi yang dikhuatiri menjejaskan jadual penanaman musim baharu tidak lama lagi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, mereka mendakwa, sebelum ini harga benih padi di kilang ialah RM28 bagi setiap 20 kilogram dan apabila sampai kepada pesawah, ia mencecah harga RM35.

Namun, harga benih padi ketika ini naik kepada RM33 di kilang dan dibeli pesawah pada harga RM38 serta RM40.

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSawah) mendakwa, kenaikan harga benih padi meresahkan pesawah, memandangkan musim penanaman baharu perlu dilakukan tidak lama lagi.

Wakilnya, Azhar Hashim, 53, berkata, harga benih padi untuk pesawah di kawasan Bagan Serai melebihi paras siling yang ditetapkan.

Menurutnya, sebelum ini, benih padi di bawah kendalian Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) namun jualan benih padi dibuka kepada individu berlesen antara punca harga benih padi yang sampai ke tangan pesawah melebihi harga siling.

"Kami berharap kerajaan menyelesaikan isu ini dengan segera. Masalah ini dihadapi setiap kali menjelang musim menanam," katanya di sini semalam.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu yang mewakili pesawah bagi negeri-negeri utara tanah air berharap kerajaan menyelesaikan segera isu kenaikan harga benih padi dan racun.

Selain benih padi, pesawah juga terbeban dengan harga racun yang naik mendadak pada masa ini.

Ketua Unit Pesawah Parit Haji Ali, Masjid Tinggi di sini, Muslan Mohd. Napiah, 46, berkata, di kawasannya terdapat 550 pesawah yang tertekan dengan kenaikan harga racun pelbagai guna.

Menurutnya, sebelum ini, harga racun antara RM180 dan RM220 setiap 20 liter namun naik kepada RM380 hingga RM480 seliter.

## Projek pendidikan hijau julang nama MBSP

**SEBERANG PERAI** – Projek Pusat Pendidikan Hijau berjaya mengangkat nama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sebagai pihak berkuasa tempatan pertama membentuk, membina dan menguruskan sebuah pusat pendidikan berteraskan pertanian.

Projek itu dibangunkan di atas tanah seluas 0.56 hektar di Padang Chempedak, Tasek Gelugor di sini melalui memorandum persefahaman dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Urbanest Sdn. Bhd. Mac lalu.

Datuk Bandar MBSP, Datuk Rozali Mohamad berkata, projek menggunakan konsep kitaran ekonomi itu memberi ilmu berkaitan pertanian digital berteraskan sistem akuaponik, fertigasi, kompos, kraf dan teknologi internet.

"Ia juga berperanan sebagai lokasi kursus dan bengkel kepada komuniti serta menjadi lokasi khusus untuk kajian, modul latihan serta bengkel," katanya.

Terdahulu, beliau hadir pada Majlis Perasmian Pusat Pendidikan Hijau di Padang Chempedak di sini yang disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Dalam pada itu katanya, MBSP akan meningkatkan dan memperluaskan skop berkebun di belakang rumah dan beranda atau yang telah dilaksanakan pada peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan kepada pertanian bandar mulai tahun depan.

Untuk itu, kata beliau, MBSP menyasarkan untuk mewujudkan sehingga 50 hab pertanian bandar secara organik di Seberang Perai menjelang 2030.



ROZALI (dua dari kiri) menunjukkan hasil tualan cili kepada Ahmad Fuzi (kanan) di Padang Chempedak, Tasek Gelugor semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

# Harga racun rumpai terus naik

Oleh MOHD. HAFIZ  
 ABD. MUTALIB  
 hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**KANGAR:** Dianggarkan hampir sejuta petani di negara ini terkesan berikutan kenaikan berterusan harga racun rumpai yang dikatakan mencecah hampir sehingga 100 peratus sekali gus menyebabkan golongan tersebut mengalami kerugian.

Kenaikan itu dikatakan berlarutan sejak Mac lalu dan menunjukkan peningkatan setiap bulan sehingga mencecah RM400 bagi 20 liter bahan keperluan pertanian berkenaan ketika ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, kenaikan tersebut bukan sahaja membebankan pesawah malah keseluruhan petani yang mengusahakan tanaman seperti sayur-sayuran dan buah-buahan termasuk sektor perladangan.

Katanya, semua tanaman tersebut menggunakan racun itu dan mereka terpaksa membelinya meskipun harga semakin mahal.

Ujarnya, difahamkan pada Mac lalu harga bagi 20 liter racun rumpai tersebut adalah sekitar RM220 dan meningkat setiap bulan sehingga mencecah RM400 ketika ini.

"Malah, difahamkan harga dari pembekal kepada peniaga



SEORANG petani meracun kawasan sawahnya di Kampung Jelai, Alor Setar, Kedah. Golongan itu kini terkesan dengan kenaikan berterusan harga racun rumpai. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

sudah pun mencecah RM370 seterusnya dibeli petani pula sekitar RM400. Jika dahulu, harga daripada pembekal kepada peniaga sekitar RM200 sahaja dan dijual kepada petani antara RM220.

"Peniaga juga terkesan dengan kenaikan itu yang mana mereka menerima racun untuk dijual dengan harga sudah mahal. Malah, kenaikan dijangka berterusan sehingga akhir tahun ini.

"Apabila kos racun naik, maka hasil keuntungan yang diperoleh petani berkurangan, malah ada yang terpaksa menanggung kerugian atau hanya sekadar balik modal. Sejak

akhir-akhir ini boleh dikatakan semua barangan naik, kita pun tidak pasti sebab apa," katanya.

Tambah Shazwan, selain racun rumpai, racun serangga juga dijangka naik antara lima sehingga 20 peratus bulan depan.

"Pekebun kecil dan pesawah antara yang terkesan teruk dengan kenaikan tersebut. Apabila kos bahan keperluan pertanian itu meningkat, macam mana nak peroleh keuntungan. Kadangkala, modal pun tidak balik," katanya.

Seorang pesawah, Faizul Izzuan Tumari, 38, memberitahu, dia perlu membelanjakan RM15,000 untuk kos

racun rumpai bagi kawasan tanaman padi seluas 10 hektar yang diusahakannya musim ini berbanding sekitar RM12,000 musim lalu.

Katanya, setiap bulan harga racun rumpai semakin meningkat sekali gus membebankan bukan sahaja para pesawah malah keseluruhan petani yang perlu menggunakan input pertanian tersebut.

"Saya harap kerajaan dapat mengawal harga racun rumpai itu selain memantau ketulenan racun berkenaan memandangkan banyak keluaran racun ketika ini yang tidak pasti sama ada berkualiti atau sebaliknya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2021	KOSMO	IGEN	30 K2

Oleh KHAIRIYAH HANAFI

**R**ATUSAN pokok cili di dalam beg poli itu dilihat tumbuh subur di atas tanah berkeluasan suku ekar yang terletak di Taman Pinggiran Cyber, Cyberjaya. Dikenali sebagai Rumah Pokok Cyberjaya, kawasan yang menempatkan tanaman utama iaitu cili fertigasi itu diusahakan pasangan suami isteri muda, Sharil Azrin Damiri dan Nurul Azira Azreen Zuhhisnam, 31.

Bermula dengan menanam 20 pokok cili di halaman rumah pada awal tahun 2019 sebagai hobi, pemuda yang bekerja sebagai eksekutif di syarikat Petronas itu kemudian menubuhkan Rumah Pokok Cyberjaya pada Jun tahun lalu sebagai simbolik rumah perlindungan buat pokok selain merujuk kepada tempat mendapatkan ketenangan.

Kini, Rumah Pokok Cyberjaya yang diusahakan Sharil bersama isterinya menempatkan 600 batang pokok aneka cili. Antaranya lalah cili bara, cili Thai Sakata 508 dan cili besar Sakata 461. Selain cili, Sharil turut mengusahakan tanaman lain seperti terung panjang, timun dan tembikai wangi (rock melon).

Bermula sekadar hobi, hasil tanaman di Rumah Pokok Cyber terletak berdekatan rumah mereka itu kini turut dijual di kawasan sekitar dan restoran. Begitupun, adakalanya hasil tanaman tidak dapat menampung permintaan pelanggan memandangkan terdapat pembuat sambal yang menempah secara mingguan dari Rumah Pokok Cyberjaya.

"Minat untuk bercucuk tanam sebenarnya sudah wujud dalam diri saya sejak melanjutkan pengajian di menara gading. Pada ketika itu saya berusia 16 tahun. Bagaimanapun ia masih belum dapat direalisasikan sehinggalah dua tahun lalu.

"Pada tahun 2019, saya menjalani kursus asas tanaman fertigasi anjuran Pusat Latihan Formenlaga dan sejak dari itu saya memulakan tanaman secara kecil-kecilan di halaman rumah sehingga tertubuhnya Rumah Pokok Cyberjaya ini," katanya kepada iGen.

Memilih tanaman cili sebagai tanaman utama untuk diusahakan, bapa kepada dua cahaya mata itu berkata, tumbuhan tersebut mempunyai pasaran yang luas dan mudah dipasarkan.

Terangnya lagi, walaupun penjagaan tanaman cili amat leceh dan rumit, tetapi masalah itu cuma terjadi pada peringkat awal pembesaran sahaja.

Ini kerana, setelah cili membuahkan hasil dan sedia untuk dituai, pokok tersebut semakin mudah untuk dijaga sehingga habis musimnya.

Berkongsi pengalaman pertamanya bercucuk tanam, Sharil berkata, daripada 20 pokok yang ditanamnya ketika itu, tidak semuanya menjadi.

"Ada antara pokok tersebut mati diserang hama, lalat putih, kutu daun dan kulat sebelum hasilnya dapat dituai.

"Ada juga yang kekurangan baja dan air sehingga keguguran daun dan pokoknya terbantut. Tetapi, melalui pengalaman itulah saya belajar selain



SHARIL bersama isteri, Nurul Azira berbangga dengan hasil tanaman di Rumah Pokok Cyberjaya yang diusahakan mereka sejak tahun lalu.

# Rumah Pokok Cyberjaya usaha tani pasangan muda



TANAMAN fertigasi diusahakan 'tanpa tanah', sebaliknya menerusi tanaman di dalam beg-beg poli.



SHARIL turut menjadikan aktiviti bercucuk tanam sebagai aktiviti bersama keluarga.



SALAH satu jenis cili yang ditanam di Rumah Pokok Cyberjaya di Taman Pinggiran Cyber ialah cili bara.

nasihat-nasihat daripada kumpulan di Facebook sehingga sekarang," kongsiya.

Menurut Sharil lagi, setakat ini Rumah Pokok Cyberjaya secara keseluruhannya telah mengeluarkan kira-kira 1,000 pokok sepanjang dua musim.

Selain menjadikannya hobi atau sumber pendapatan sampingan, tanaman yang diusahakan itu juga sebagai satu inisiatif menyemarakkan pertanian bandar.

"Pertanian secara fertigasi ini adalah mudah kerana tanaman ditanam secara 'tanpa tanah' yang mana pokok dijaga di dalam beg poli berisi cocopeat (sabut kelapa) sementara pengaliran dan pembajaan pula secara automatik.

"Ramai orang boleh menceburi pertanian moden ini dan sekurang-kurangnya dapat dijadikan hobi yang menjana pendapatan sampingan," ujarnya.

Sharil turut melihat kata-kata semangat buat golongan muda yang mahu menceburi bidang pertanian.

"Bercucuk tanam tidak memerlukan modal besar, asalkan ada minat dan perasaan ingin tahu. Ia boleh dimulakan secara kecil-kecilan.

"Daripada kecil-kecilan, anda akan timba pengalaman berguna untuk terus bertani secara besar-besaran pula. Bagi saya, tiada istilah tangan panas atau sejuk yang menentukan kementerian tanaman seperti dikata orang," katanya.